

**SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN SSPA**

ELAUN

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
Pengukuhan Pemberian Elaun		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan penambahbaikan kriteria?	Sepuluh (10) kriteria yang berkuat kuasa dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambah baik kepada lima (5) kriteria iaitu Kelayakan, Penempatan, Tanggungjawab Tambahan, Bayaran Balik Perbelanjaan dan Sara Hidup bagi memastikan tujuan pemberian elaun menepati keperluan perkhidmatan.
2.	Bilakah kriteria elaun ini digunakan dalam mempertimbangkan sesuatu pemberian elaun?	Kriteria elaun digunakan dalam mempertimbang permohonan pewujudan elaun baharu dan pemanjangan elaun sedia ada. Selain itu, kriteria elaun juga digunakan dalam kajian semakan semula syarat dan kadar elaun serta kajian pengukuhan dan pengemaskinian elaun sedia ada bagi memastikan elaun tersebut masih relevan, memenuhi objektif pemberian dan bersesuaian dengan kehendak semasa serta berupaya meningkatkan produktiviti dan prestasi pegawai.
3.	Mengapa kriteria perlu diperkemaskan?	Sebelum berkuat kuasanya Pekeliling ini, terdapat kriteria yang bertindih di antara satu sama lain dan terdapat juga kriteria yang tidak selari dengan tujuan sebenar pemberian sesuatu elaun.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
4.	Adakah pembayaran sesuatu elaun boleh dihentikan?	Elaun adalah dibayar kepada pegawai yang layak (menjalankan tugas) dan memenuhi syarat pemberian elaun berkenaan sahaja. Sekiranya pegawai tidak lagi memenuhi syarat pemberian elaun, maka elaun tersebut boleh dihentikan.
5.	Adakah hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan termasuk dalam pengiraan pro rata bagi pemberian elaun?	<p>Bagi pegawai yang terlibat dalam keadaan elaun dibayar secara pro rata, pegawai hanya dibayar bagi hari-hari melaksanakan tugas sahaja termasuk jika pegawai melaksanakan tugas pada hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan.</p> <p>Ketetapan ini tidak terpakai kepada elaun-elaun di bawah kriteria sara hidup serta dua (2) elaun berasaskan kriteria penempatan iaitu Bayaran Insentif Pedalaman dan Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan.</p>
6.	Bagaimana pengiraan secara pro rata dibuat bagi menentukan kadar elaun pegawai yang ditempatkan di pejabat baharu tidak genap satu (1) bulan kalendar atau diarah menjalankan tugas yang melayakkan pemberian elaun tertentu tidak genap satu (1) bulan kalendar?	<p>Encik Ali seorang Pegawai Imigresen Gred KP29 telah ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Negeri Johor pada 16 Julai 2024. Encik Ali layak menerima Bayaran Insentif Penguat Kuasa pada kadar RM200.00 sebulan. Berikut adalah kadar elaun yang layak dibayar kepada Encik Ali untuk bulan Julai tersebut:</p> <p>Kadar Bayaran Insentif : RM200 sebulan Penguatkuasa</p> <p>Bilangan hari bertugas (bermula : 12 hari (tidak termasuk hari 16 Julai) kelepasan mingguan)</p> <p>Bilangan hari pada bulan Julai : 31 hari</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>Formula pengiraan pro rata:</p> $\frac{\text{Bilangan Hari Menjalankan Tugas}^*}{\text{Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan}} \times \text{Kadar Sebulan Elaun}$ <p>Cara pengiraan:</p> <p>12/31 X RM200.00 sebulan</p> <p>Encik Ali layak dibayar RM77.40* pada bulan Julai tersebut.</p> <p><i>Nota : *sekiranya tiada arahan bagi menjalankan tugas pada hari kelepasan mingguan/hari kelepasan am)</i></p>
Pegun Kadar Elaun		
7.	Apakah elaun yang dipegun kadar?	<p>Elaun yang terlibat adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bayaran Imbuan Wilayah (BIW); 2. Bayaran Insentif Pedalaman (BIP); dan 3. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK).

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
8.	Apakah syarat kelayakan BIW, BIP dan BIPK?	<p>Syarat kelayakan ada dinyatakan di dalam Lampiran E4 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP 1/2024). Rujukan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BIW - Rujukan E4-U5; 2. BIP - Rujukan E4-U26; dan 3. BIPK - Rujukan E4-U43.
9.	Bagaimanakah pelaksanaan BIW, BIP dan BIPK selepas dipegun?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Selaras dengan pelaksanaan SSPA ketiga-tiga elaun iaitu BIW, BIP, dan BIPK yang dibayar berdasarkan peratus kepada gaji pokok dipegun kepada suatu kadar tetap. 2. Pelaksanaan pegun kadar elaun adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. penerima sedia ada menerima kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA; dan b. pegawai lantikan baharu atau pegawai sedia ada yang baru berkeelayakan menerima suatu kadar tetap baharu mengikut gred jawatan pegawai.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
10.	Siapakah yang dimaksudkan sebagai penerima sedia ada, pegawai baru berkelayakan dan pegawai lantikan baharu?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penerima sedia ada: Pegawai sedang berkhidmat yang menerima elaun BIW, BIP, dan BIPK sebelum tarikh kuat kuasa SSPA (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim); 2. Pegawai baru berkelayakan: Pegawai sedang berkhidmat yang baru berkelayakan menerima BIW, BIP, dan BIPK mulai 1 Disember 2024 (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim); dan 3. Pegawai lantikan baharu: Pegawai yang baharu dilantik bermula 1 Disember 2024 (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim).
11.	Apakah keadaan atau situasi yang melayakkan penerima sedia ada menerima kadar pegun iaitu amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA?	<p>Keadaan atau situasi yang melayakkan penerima sedia ada menerima kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai sedang berkhidmat yang menerima elaun BIW, BIP, dan BIPK sebelum tarikh kuat kuasa SSPA (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim); 2. Cuti Belajar (Bergaji Penuh, Separuh Gaji dan Tanpa Gaji); 3. Cuti Bergaji Penuh (contoh : Cuti Rehat, Cuti Bersalin, Cuti Sakit, Cuti Tanpa Rekod); 4. Cuti Separuh Gaji;

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<ol style="list-style-type: none"> 5. Cuti Tanpa Gaji; 6. Berkhidmat di luar negara; 7. Peminjaman dan Pertukaran Sementara; 8. Kenaikan pangkat termasuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL); 9. Pelantikan (kontrak dan kontrak interim ke jawatan tetap); 10. Pelantikan semula secara kontrak (tempoh tamat kontrak terdahulu dan kontrak baharu tidak melebihi 6 bulan); 11. Pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama; dan 12. Pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik Perkhidmatan Awam Persekutuan (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera). <p>Dengan syarat pegawai di para 1 - 12 memenuhi syarat kelayakan pemberian elaun yang berkenaan.</p>
12.	Apakah keadaan atau situasi yang menyebabkan pegawai menerima kadar tetap baharu?	<p>Keadaan atau situasi yang menyebabkan pegawai menerima kadar tetap baharu adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai sedang berkhidmat yang baru berkelayakan menerima BIW, BIP, dan BIPK mulai 1 Disember 2024 (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim);

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>2. Pegawai yang baharu dilantik bermula 1 Disember 2024 (termasuk lantikan tetap, kontrak dan kontrak interim);</p> <p>3. Pegawai hilang kelayakan dan kemudiannya layak menerima semula elaun. Keadaan yang menyebabkan pegawai hilang kelayakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. BIW - pegawai kembali ke wilayah asal bagi pegawai yang berasal dari Semenanjung; ii. BIP - pegawai tidak lagi bertugas di kawasan pedalaman; iii. BIPK - pegawai tidak lagi melaksanakan tugas di bawah perkhidmatan kritikal. <p>4. Pelantikan semula secara kontrak dalam tempoh melebihi 6 bulan; dan</p> <p>5. Pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik Perkhidmatan Awam selain daripada Pihak Berkuasa Melantik Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p> <p>Dengan syarat pegawai di para 1 - 5 memenuhi syarat kelayakan pemberian elaun yang berkenaan.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
13.	Adakah pegun kadar elaun tidak terpakai kepada pegawai yang menolak SSPA?	Pegawai yang menolak SSPA turut terpakai kepada pelaksanaan pegun kadar elaun seperti di perenggan 194 (c), PP 1/2024.
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)		
14.	Adakah pegawai layak menerima BIPK, sekiranya skop fungsi bidang tugas beliau adalah tidak menepati skop fungsi tugas skim Perkhidmatan Kritikal?	Dalam keadaan ini pegawai perlu memenuhi semua syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti di Lampiran E4-U43, PP 1/2024 bagi melayakkan pemberian BIPK. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat pengesahan berkenaan kelayakan pemberian BIPK berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan.
15.	<p>Pegawai adalah seorang Jururawat yang telah mula Cuti Bersalin pada 8 Ogos 2024 selama 3 bulan dan diluluskan Cuti Menjaga Anak selama 6 bulan. Mengambil kira cuti pegawai adalah melebihi 28 hari berturut-turut, maka BIPK pegawai diberhentikan.</p> <p>Berapakah kadar BIPK yang pegawai layak setelah kembali bertugas mengambil kira kadar terakhir BIPK penerima sedia ada adalah sebelum tarikh kuat kuasa SSPA?</p>	<p>Penerima BIPK sedia ada yang sedang bercuti melebihi 28 hari akan diberhentikan mulai hari pertama pegawai mula bercuti iaitu pada 8 Ogos 2024.</p> <p>Apabila pegawai kembali bertugas, pegawai layak menerima kadar tetap iaitu amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA mengambil kira pegawai adalah penerima sedia ada dan memenuhi ketetapan seperti di Perenggan 11.</p>
16.	Seorang Pensyarah Universiti (Undang-undang) telah layak menerima	Bagi pegawai-pegawai dalam 32 skim perkhidmatan kritikal yang baru layak atau berkelayakan semula BIPK pada atau selepas tarikh kuat kuasa

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
	<p>BIPK semasa mengajar di sebuah Universiti pada Januari 2023 hingga Februari 2024. Walau bagaimanapun pada Mac 2024, pegawai telah bertukar ke Universiti yang lain dan tidak berkecayuan menerima BIPK. Sekiranya selepas ini pegawai kembali berkecayuan menerima BIPK, adakah pegawai layak menerima kadar BIPK seperti diterima sebelum ini atau kadar lantikan baharu/ baru berkecayuan?</p>	<p>pekeliling ini iaitu 1 Disember 2024, kadar BIPK pegawai ialah pada kadar tetap baharu seperti di Lampiran E5, PP 1/2024.</p>
17.	<p>Seorang Jururawat, Gred U29 telah menerima BIPK pada kadar 15% sebelum tarikh kuat kuasa SSPA. Pada Januari 2025, pegawai telah menerima lantikan baharu sebagai Jururawat, Gred U9 melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Berapakah kadar BIPK pegawai setelah menerima lantikan baharu sebagai Jururawat, Gred U9.</p>	<p>Bagi situasi ini pegawai boleh menggunakan kadar tetap BIPK berdasarkan amaun yang diterima semasa Gred U29 sebelum tarikh kuat kuasa SSPA atau kadar tetap baharu bagi Gred 9, yang mana lebih tinggi.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
18.	Adakah Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran (KUP) Gred H19 dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM) layak menerima BIPK apabila SSPA berkuat kuasa?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H1 tidak diperuntukkan BIPK kecuali kepada pegawai daripada Tukang K1 dan Tukang K2 yang bersetuju <u>ditukar lantik</u> ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H19 berkuat kuasa 1 November 2013. 2. Pegawai ini dikategorikan sebagai penerima sedia ada dan menerima kadar tetap iaitu amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA.
Bayaran Insentif Pedalaman		
19.	Seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred D44 layak menerima BIP kerana ditugaskan sekolah di kawasan pedalaman di Sabah. Namun pada 2 September 2024, pegawai telah diluluskan cuti belajar sehingga 28 Ogos 2026. Berapakah kadar BIP pegawai setelah kembali bertugas dan melapor diri di sekolah pedalaman di Sabah?	Bagi situasi ini pegawai boleh menggunakan kadar BIP yang dipegunkan sebelum tarikh kuat kuasa SSPA atau kadar tetap baharu bagi Gred 9-15, yang mana lebih tinggi.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
Bayaran Imbuhan Wilayah		
20.	Pegawai merupakan penerima BIW kerana ditempatkan untuk berkhidmat di wilayah selain wilayah asalnya. Amaun BIW yang diterima ialah sebanyak RM846.28 pada 30 November 2024. Berapakah kadar BIW bagi pegawai mulai 1 Disember 2024?	Kadar BIW yang diterima pegawai mulai 1 Disember 2024 adalah merupakan kadar tetap berdasarkan amaun BIW yang diterima pada 30 November 2024. Oleh itu, pegawai akan menerima kadar tetap BIW sebanyak RM846.28 mulai 1 Disember 2024 selagi mana pegawai berkelayakan menerima BIW.
21.	Adakah penetapan pegun kadar BIW turut terpakai kepada penerima BIW yang berasal dari Sabah/ Sarawak/ WP Labuan dan ditempatkan berkhidmat di wilayah masing-masing?	Penetapan kadar tetap BIW terpakai bagi semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima BIW. Bagi pelaksanaan kepada pegawai lantikan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, ketetapan ini tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
22.	Pegawai berasal dari Semenanjung dan diarahkan bertukar wilayah ke Sabah pada 1 November 2024. Berapakah kadar BIW yang layak bagi pegawai mulai 1 Disember 2024?	<p>Bagi penerima sedia ada BIW, kadar BIW yang akan diterima mulai 1 Disember 2024 ialah berdasarkan amaun BIW yang diterima pada 30 November 2024.</p> <p>Sebagai contoh:</p> <p>Tarikh pertukaran wilayah: 1 November 2024</p> <p>Kadar BIW pada 30 November 2024: RM795.06</p> <p>Kadar tetap BIW berjumlah RM795.06 mulai 1 Disember 2024.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
23.	Pegawai diarahkan bertukar wilayah dan melapor diri di wilayah berkhidmat pada 1 September 2025. Pegawai pada tahun 2022 telah membuat pengisytiharan wilayah asalnya semasa dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Bilakah tarikh pegawai layak dibayar BIW dan BIPW?	Pegawai layak dibayar BIW dan BIPW mulai dari tarikh pegawai mengisytiharkan wilayah asal atau tarikh melaporkan diri di wilayah baharu, mengikut mana yang terkemudian. Bagi kes ini, pegawai layak dibayar mulai 1 September 2025.
24.	Pegawai diarahkan bertukar wilayah dan melapor diri di wilayah berkhidmat pada 1 Julai 2025. Pegawai belum pernah mengisytiharkan wilayah asal dan membuat pengisytiharan tersebut pada 15 Julai 2025. Bilakah tarikh pegawai layak dibayar BIW dan BIPW?	Pegawai layak dibayar BIW dan BIPW mulai dari tarikh pegawai mengisytiharkan wilayah asal atau tarikh melaporkan diri di wilayah baharu, mengikut mana yang terkemudian. Bagi kes ini, pegawai layak dibayar mulai 15 Julai 2025.
25.	Pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Labuan. Dalam hal ini, pegawai adalah penerima BIW. Pegawai telah diluluskan cuti tanpa gaji (CTG) selama 12 bulan mulai 1 Mac 2024 hingga 28 Februari 2025. Bagaimanakah penetapan pegun kadar BIW bagi pegawai berkenaan?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang diluluskan CTG tidak layak dibayar BIW sepanjang tempoh CTG berkenaan. 2. Penetapan kadar tetap BIW adalah berdasarkan kadar BIW yang diterima oleh pegawai secara isyarat pada 30 November 2024.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>3. Pegawai akan menerima BIW atas kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA setelah pegawai kembali bertugas.</p>
26.	<p>Bagaimanakah penetapan pegun kadar BIW bagi penerima BIW yang sedang dalam tempoh cuti separuh gaji pada 30 November 2024?</p>	<p>1. Pegawai yang diluluskan sebarang cuti separuh gaji dibayar BIW atas kadar separuh.</p> <p>2. Bagi tujuan penetapan kadar tetap BIW untuk pegawai berkenaan, amaun tetap BIW adalah berdasarkan kadar penuh BIW yang diterima oleh pegawai secara isyarat pada 30 November 2024.</p> <p>3. Pegawai akan menerima BIW atas kadar tetap berdasarkan amaun terakhir yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA setelah pegawai kembali bertugas.</p>